

NAMA:..... Tingkatan :.....

SULIT
1223/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
Ogos
2010
2 jam



BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi 40 soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 12.
3. **Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 wajib dan mana-mana satu soalan berikutnya. Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
4. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan di halaman 11.
5. Ceraikan kertas jawapan **Bahagian A** dan ikat bersama-sama dengan kertas jawapan **Bahagian B**.

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan**Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan

- 1

Ahmad merasa kagum terhadap dirinya sendiri kerana mampu melakukan amalan solat tahajjud setiap malam

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Syirik Khafi
 - B Dosa besar
 - C Dosa kecil
 - D Syirik Jali
- 2 Puak Syiah yang dianggap paling radikal dan sesat ialah...
- A Khawarij
 - B Imamah
 - C Batiniah
 - D Zaidiah

- 3

“... tidak boleh berdiri (pada hari kiamat) melainkan seperti berdiri orang yang dirasuk oleh syaitan...”
--

Al-Baqarah :275

Maksud firman Allah di atas merupakan balasan yang disediakan Allah di hari akhirat bagi mereka yang melakukan dosa

- A Mengumpat
- B Mencuri
- C Fitnah
- D Riba

4 Siapakah yang bertanggungjawab menyebarkan ajaran Qadiani di Malaysia?

- A Yan Kee Leong
- B Haji Muhammad Matahari
- C Hussein Ali al-Mazandarani
- D Maulana Muhammad Sadiq bin Barakatullah

5 Dipotong kaki dan tangan secara bersilang merupakan hukuman bagi kesalahan

- A Membunuh dengan tak sengaja
- B Merompak dengan kekerasan
- C Mencuri dan mencederakan
- D Merompak dan membunuh

6 Pilih pernyataan yang **benar** tentang bilangan kambing bagi ibadat akikah.

- I Sunat disembelih seekor kambing untuk seorang anak lelaki
- II Sunat disembelih dua ekor kambing untuk seorang anak lelaki
- III Sunat disembelih seekor kambing untuk seorang anak perempuan
- IV Sunat disembelih dua ekor kambing untuk seorang anak perempuan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

7 Yang manakah bukan rukun Ijarah?

- A Penyewa dan Pemberi sewa
- B Ijab dan Qabul
- C Bayaran sewa
- D Manfaat

8 Sepanjang perkahwinan suami puan Zaiton tidak pernah memberi nafkah kepadanya

Apakah tindakan terbaik yang perlu dilakukan oleh Puan Zaiton?

- A Menuntut cerai
- B Menuntut Fasakh
- C Mendakwa suami
- D Menghadiri sesi kaunseling

- 9 Pilih perbezaan yang **benar** antara gadaian Islam dengan gadaian bukan Islam

	Gadaian Islam	Gadaian Bukan Islam
A	Barang gadaian menjadi hak pemilik asal	Barang gadaian akan lupus sekiranya tidak ditebus
B	Pembayaran mengikut nilai barang gadaian	Pembayaran mengikut nilai barang gadaian dan upah
C	Menguntungkan penggadai	Merugikan pemegang gadai
D	Ada unsur-unsur gharar	Tiada unsur gharar

- 10 Berikut adalah pernyataan berkaitan dengan kaifiat rujuk.

- I Wajib disaksikan oleh dua orang saksi
- II Lafaz rujuk tidak boleh berbentuk taklik
- III Lafaz rujuk hendaklah diucapkan oleh suami
- IV Rujuk boleh dilafazkan sama ada melalui lafaz kinayah atau sorih

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 11 Memakai minyak rambut di kepala atau janggut merupakan perkara yang dilarang ketika ihram .

Apakah hikmah disebalik larangan tersebut?

- A Supaya Jemaah lupa kepada kemewahan dunia ketika beribadah kepada Allah
- B Untuk menguji keimanan dan kesabaran jemaah haji
- C Menunjukkan manusia adalah sama di sisi Allah
- D Untuk menghargai makhluk lain

- 12 Berikut adalah bidang kuasa mal bagi Mahkamah Syariah **kecuali**

- A Wakaf dan nazar
- B Nafkah dan penjagaan anak
- C Kesalahan khalwat dan bersekedudukan
- D Pertunangan, perkahwinan, perceraian dan fasakh

- 13 Manakah yang berikut adalah alasan bagi membolehkan suami berpoligami

- I Untuk mendapatkan zuriat
- II Mengelakkan suami berbuat maksiat
- III Kerana perempuan lebih ramai daripada lelaki
- IV Ketidakmampuan isteri melayan kehendak suami kerana penyakit

- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II,III dan IV
- 14 Polisi pentadbiran pemerintahan Saidina Ali adalah ...
- A Memerangi golongan murtad
 B Menyusun semula pentadbiran tanah
 C Menetapkan bacaan al-Quran menggunakan lahjah Qurais
 D Menukarkan pegawai-pegawai yang berketurunan Umayyah
- 15 Siapakah khalifah Abbasiyah yang telah memerintahkan sekumpulan ahli falak muslim agar mengukur lilitan bumi ?
- A Khalifah Harun Al-Rasyid
 B Khalifah Jaafar Al-Mansur
 C Khalifah Al-Makmun
 D Khalifah Muawiyah
- 16 Apakah nama senjata yang digunakan untuk merempuh musuh yang ramai?
- A Manjanik
 B Dababah
 C Barud
 D Al-Karadis
- 17

<ul style="list-style-type: none">• Dibuang negeri kerana dituduh terlibat dengan pemberontakan Urabi• Menerbitkan majalah Urwatul Wusqa• Mufti kerajaan Mesir
--

Pernyataan di atas merujuk kepada...
- A Sheikh Jamaludin Al-Afghani
 B Sheikh Tahir Jalaluddin
 C Sheikh Mohd Abduh
 D Sheikh Waliyullah
- 18

<ul style="list-style-type: none">• Ihya' Ulumuddin• Al-Munqiz minal Dhalal• Al-Wajiz

Karya di atas adalah hasil nukilan...
- A Imam Abu Hanifah Rahimahullah
 B Imam Syafie Rahimahullah
 C Imam Bukhari Rahimahullah
 D Imam Ghazali Rahimahullah

19

الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى

Hadis merujuk kepada amalan...

- A Sedekah
- B Jihad fi Sabilillah
- C Ziarah orang sakit
- D Menjaga kebersihan

20 Antara kepentingan memelihara alam sekitar adalah seperti yang berikut **kecuali**

- A Melahirkan masyarakat yang prihatin
- B Memastikan kehidupan yang harmoni dan selesa
- C Mewujudkan persekitaran yang baik untuk perkembangan minda
- D Mengelakkan penyebaran penyakit-penyakit yang memudharatkan rakyat


Soalan 21 hingga **Soalan 40**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

21 Kita diseru agar sentiasa mengingatkan pesakit bahawa setiap penyakit merupakan daripada Allah.

Soalan 22 hingga **Soalan 23** berdasarkan rajah di bawah.

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.




22 **X** dalam rajah di atas ialah

23 **Y** dalam rajah di atas ialah


- 24 Pemimpin wajib memastikan dapat ditegakkan dalam pentadbiran negara.
- 25 ialah perjanjian perkongsian antara dua pihak atau lebih terhadap sesuatu perkara

Soalan 26 hingga Soalan 27 berdasarkan jadual di bawah.



- 26 **R** dalam jadual di atas ialah
- 27 **S** dalam jadual di atas ialah
- 28 Gerakan yang diperjuangkan oleh Sheikh Tahir Jalaluddin di Tanah Melayu ialah
- 29 Menganggap Acre di Palestine sebagai kiblat baru merupakan ciri kesesatan ajaran.....


Soalan 30 hingga Soalan 31 berdasarkan rajah di bawah.
 Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



- 30 **T** dalam rajah di atas merujuk kepada
- 31 **U** dalam rajah di atas merujuk kepada

- 32 ialah perkhidmatan yang disediakan untuk kegunaan orang ramai.
- 33 Khidmat nasihat bagi menyelesaikan masalah suami isteri merupakan satu daripada peranan
- 34 Imam Ahmad bin Hanbal Radiallahuanhu digelar kerana telah menghafaz lebih daripada 700,000 buah hadis

Soalan 35 hingga **soalan 36** adalah berdasarkan pernyataan berikut:



- 35 **P** merujuk kepada
- 36 **Q** merujuk kepada
- 37 Al-Muqadimah merupakan karya terbaik
- 38 yang paling utama ialah perjuangan menegakkan agama Allah
- 39 Dua anggota badan yang boleh dilihat oleh bakal suami semasa peminangan ialah dan tangan.
- 40 Orang yang murtad boleh dihukum sekiranya mereka enggan kembali kepada Islam

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan: **Soalan 1**, **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya.

- 1 (a) Qadiani merupakan ajaran sesat yang semakin tersebar luas di Malaysia
- (i) Siapakah pengasas ajaran Qadiani. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** ciri kesesatan ajaran Qadiani. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** langkah yang sewajarnya diambil untuk menangani ajaran sesat [4 markah]
- (b) Anak yatim merupakan golongan yang wajib perhatian dan perlindungan oleh masyarakat.
- (i) Apakah maksud anak yatim? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** kewajipan terhadap anak yatim. [4 markah]
 - (iii) Huraikan sebab-sebab dilarang memakan harta anak yatim. [4 markah]
- 2 (a) Umat Islam diwajibkan menyembelih binatang dengan tujuan dimakan dagingnya.
- (i) Nyatakan maksud sembelihan. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** syarat sah sembelihan. [4 markah]
 - (iii) Jelaskan hukum dan alasan bagi situasi berikut.
 - a) Pak Cik Mat telah memberi sebahagian daging korban kepada Lee Chong Wei
 - b) Ahmad menyembelih ayam dengan menggunakan tulang [4 markah]
- (b) Suami sebagai ketua keluarga merupakan tonggak kebahagiaan dalam rumahtangga
- (i) Jelaskan **dua** tanggungjawab suami terhadap isteri. [4 markah]
 - (ii) Huraikan **dua** kesan pengabaian tanggungjawab suami terhadap keluarga. [4 markah]
- (c) Jelaskan hubungan kerukunan rumahtangga dengan pembangunan ummah [2 markah]

- 3 (a) Kemajuan ekonomi kerajaan Abbasiyah banyak bergantung kepada keistimewaan yang dimiliki Kota Baghdad
- (i) Jelaskan **dua** keistimewaan tersebut. [4 markah]
- (ii) Huraikan **dua** kesan pembangunan ekonomi terhadap rakyat. [4 markah]
- (b) Menzirahi jenazah merupakan satu tuntutan syarak
- (i) Jelaskan **dua** amalan yang dilarang semasa menziarahi jenazah. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah menziarahi jenazah. [4 markah]
- (c) Hamka merupakan ulama yang tersohor di Nusantara.
- (i) Apakah nama sebenar beliau? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** anugerah yang diterima oleh beliau. [2 markah]
- 4 (a) Kerajaan Umayyah merupakan kesinambungan daripada pemerintahan Khulafa' Ar-Rasyidin
- (i) Terangkan sejarah penubuhan kerajaan Bani Umayyah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan tindakan yang diambil oleh Khalifah Umar Abdul Aziz bagi memantapkan pentadbiran. [2 markah]
- (iii) Huraikan dua faktor kejatuhan kerajaan Bani Umayyah [4 markah]

(b)



Gambar di atas menunjukkan sungai yang teruk tercemar dengan sampah sarap

- (i) Berdasarkan gambar di atas, jelaskan kesan situasi tersebut kepada kehidupan manusia. [4 markah]
- (ii) Terangkan langkah yang boleh diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut. [4 markah]
- (c) Huraikan **dua** sifat peribadi Imam Malik rahimahullah yang boleh dicontohi pelajar masa kini. [2 markah]

. KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA : _____ TINGKATAN : _____

NO. KAD PENGENALAN

						-							
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

- | | | | | | | |
|----|-----|-----|-----|-----|----|-------|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 21 | _____ |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 22 | _____ |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 23 | _____ |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 24 | _____ |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 25 | _____ |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 26 | _____ |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 27 | _____ |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 28 | _____ |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 29 | _____ |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 30 | _____ |
| 11 | (A) | (B) | (C) | (D) | 31 | _____ |
| 12 | (A) | (B) | (C) | (D) | 32 | _____ |
| 13 | (A) | (B) | (C) | (D) | 33 | _____ |
| 14 | (A) | (B) | (C) | (D) | 34 | _____ |
| 15 | (A) | (B) | (C) | (D) | 35 | _____ |
| 16 | (A) | (B) | (C) | (D) | 36 | _____ |
| 17 | (A) | (B) | (C) | (D) | 37 | _____ |
| 18 | (A) | (B) | (C) | (D) | 38 | _____ |
| 19 | (A) | (B) | (C) | (D) | 39 | _____ |
| 20 | (A) | (B) | (C) | (D) | 40 | _____ |

Bahagian	Markah
A	
B	

Kod Pemeriksa

NAMA:..... Tingkatan :.....

SULIT
1223/2
Pendidikan Islam
Kertas 2
Ogos
2010
1 $\frac{2}{3}$ jam



BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 2

Satu jam empat puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Soalan hendaklah dijawab pada kertas jawapan yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT :

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَحَفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ
 زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ
 زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ ... ﴿٣١﴾

(سورة النور: 31)

Ayat di atas menjelaskan perintah Allah SWT kepada golongan lelaki dan wanita yang beriman supaya menjaga maruah diri.

- (i) Nyatakan maksud aurat? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** akibat tidak memelihara aurat dan maruah diri. [2 markah]
- (iii) Berikan pengajaran bagi ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي فَقَالَ
 كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ
 وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرْضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.
 (رواه البخاري)

Hadis di atas menerangkan kehidupan manusia ibarat seorang perantau.

- (i) Terangkan kelebihan menyegerakan segala urusan kehidupan [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh bekalan untuk hari akhirat. [2 markah]
- (iii) Berdasarkan hadis di atas, berikan maksud pernyataan “dunia ialah tempat persinggahan” [2 markah]

- (c) Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul daripada jadual yang diberikan. Anda hanya dikehendaki menulis jawapan sahaja mengikut susunan yang betul seperti dalam al-Quran.

A	B	C	D
وَأَغْضَضَ	الْأَصْوَاتِ	مُحْتَالَ	الْأَرْضِ

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي ⁱ _____ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا
 يُحِبُّ كُلَّ ⁱⁱ _____ فَخُورٍ ﴿١٨﴾ وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ ⁱⁱⁱ _____ مِنْ
 صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ ^{iv} _____ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ﴿١٩﴾

(سورة لقمان : 18-19)

[4 markah]

2 (a) Firman Allah SWT :

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّهِمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّنْ لَكُمْ
وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ
وَأَدْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنًا آخَرِينَ ﴿٦﴾

(سورة الأنعام:6)

Ayat di atas menjelaskan manusia perlu bersyukur di atas nikmat-nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.

- (i) Berikan **dua** nikmat Allah S.W.T yang dikurniakan kepada manusia. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh umat yang dibinasakan oleh Allah S.W.T. beserta bentuk kebinasaan yang diterima. [4 markah]
- (iii) Jelaskan cara bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T? [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

... فَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا , وَقَالَ تَعَالَى :
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ . ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ
أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ : يَا رَبُّ يَا رَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ
وَعُذْيَ الْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لَهُ

رواه المسلم

Hadis di atas menjelaskan perintah Allah S.W.T kepada para rasul dan orang yang beriman agar memakan makanan yang baik

- (i) Dalam keadaan darurat , umat Islam diharuskan memakan makanan yang haram. Terangkan. [2 markah]
- (ii) Terangkan ciri-ciri etika berpakaian yang baik mengikut syarak [4 markah]
- (iii) Apakah kaitan di antara makanan yang haram dengan ibadah [2 markah]

- (c) Susun semula potongan ayat al-Quran berikut mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor sahaja mengikut susunan ayat yang betul.

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ	1
لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ	2
عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ	3
مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ	4

(التوبة : 128-129)

[4 markah]

3 (a) Firman Allah SWT :

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ
 مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنْ أَبْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَسَاتِهِمْ
 وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾
 الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾

(المؤمنون : 5-11)

Ayat di atas menerangkan ciri-ciri mukmin yang berjaya.

(i) Berikan maksud potongan ayat berikut ;

عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** amanah Allah yang perlu anda tunaikan terhadap Allah S.W.T semasa di dunia.

[4 markah]

(iii) Berdasarkan ayat di atas apakah yang perlu dilakukan oleh umat islam bagi mewarisi syurga firdaus

[2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَنَاجَشُوا وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَلَا يَبِعَ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا...
(رواه مسلم)

Hadis di atas menjelaskan sifat-sifat mazmumah yang boleh menghancurkan perpaduan dalam kalangan umat Islam

Berdasarkan hadis di atas ;

- (i) Apakah maksud "berpaling muka" [2 markah]
- (ii) Nyatakan antara cara untuk memupuk perpaduan di kalangan jiran setempat . [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]
- (c) Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul daripada jadual yang diberikan. Anda hanya dikehendaki menulis jawapan sahaja mengikut susunan yang betul seperti dalam al-Quran

A	B	C	D
كَوْكَبٌ	السَّمَوَاتِ	كَمِشْكُوتٍ	مُبْرَكَةٍ

- (i) اللَّهُ نُورٌ _____ وَالْأَرْضُ
- (ii) مَثَلُ نُورِهِ _____ فِيهَا مِصْبَاحٌ
- (iii) الرُّجَا جَةٌ كَانَتْهَا _____ دُرِّيٌّ
- (iv) يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ _____ زَيْتُونَةٍ

[4 markah]

4 (a) Firman Allah SWT :

وَذَرِ الَّذِينَ أَخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَعَرَّتْهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَّرَ بِهِ أَنْ تُبَسَّلَ
 نَفْسُهُ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ هَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيُّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعَدَلَ كُلَّ عَدَلٍ لَّا
 يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا
 يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

(سورة الأنعام : 70)

Ayat di atas menjelaskan larangan perbuatan mempersendakan agama..

- (i) Nyatakan **dua** golongan yang mempersenda dan mempermainkan agama [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan mempersendakan agama. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** balasan Allah terhadap golongan yang mempersendakan agama. [4 markah]

(b) Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris beserta cara bacaannya.

- (i) بِلِقَاءِ
- (ii) مِنْ قَوْمِهِ
- (iii) وَأَتْرَفْنَاهُمْ فِي

[6 markah]

(c) Tulis semula perkataan berikut ke dalam tulisan jawi ;

- (i) Tanggungjawab bersama
- (ii) Sarjana unggul
- (iii) Penguasa negara
- (iv) Ketenteraman jiwa

[4 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

5 (a) Firman Allah SWT :

وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ
مَأْمَنَهُ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

(سورة التوبة : 6)

Ayat di atas menyatakan perintah Allah SWT kepada orang Islam agar memberi perlindungan kepada orang bukan Islam.

- (i) Nyatakan **dua** sifat yang perlu ada pada pendakwah. [4 markah]
- (ii) Apakah tujuan Islam memberi perlindungan tersebut? [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** cara berdakwah yang boleh dilaksanakan dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. [4 markah]

(b) Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ آلَيْتَمَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا ۖ وَسَيَصْلَوْنَ
سَعِيرًا ﴿٦٠﴾ يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ ۚ فَإِن كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ
فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۖ وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ ...

(سورة النساء : 4)

Berdasarkan ayat di atas, tulis satu contoh bagi setiap hukum tajwid berikut ;

- (i) Ikhfa' Hakiki
(ii) Izhar Syafawi
(iii) Wajibul Ghunnah
(iv) Mad Jaiz Munfasil

[4 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

(c) Tulis semula pernyataan ayat di bawah ke dalam tulisan rumi.

- (i) اومت إسلام هندقله براوسها مندافتكن كمولياءن
- (ii) كراجاءن تله ممبوك بابق فلواغ فكرجاءن
- (iii) . كيت مستيله ممفرتيغكتكن كماهيرن علمو فعتاهوان

[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

SULIT

1223/1(PP)

1223/1(PP)
Peraturan
Pemarkahan
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Ogos
2010



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini juga tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Bahagian A
[40 markah]

- | | | | | | |
|----|------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|---|
| 1 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 21. Ujian |
| 2 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 22. Memelihara kehormatan/ harta/layan |
| 3 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input checked="" type="radio"/> D | 23. Memelihara kehormatan/ harta/layan |
| 4 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input checked="" type="radio"/> D | 24. Syariat Islam |
| 5 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 25. Syarikat |
| 6 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 26. Jaga nama baik/keamanan/berbakti |
| 7 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 27. Jaga nama baik/keamanan/berbakti |
| 8 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 28. Islah |
| 9 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 29. Bahai |
| 10 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input checked="" type="radio"/> D | 30. Judi/Gharar |
| 11 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 31. Judi/Gharar |
| 12 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 32. Kemudahan awam |
| 13 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 33. Mahkamah Syariah |
| 14 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input checked="" type="radio"/> D | 34. Al-Hakim |
| 15 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 35. Istana/Perpustakaan/Pusat Pengajian |
| 16 | <input type="radio"/> A | <input checked="" type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 36. Istana/Perpustakaan/Pusat Pengajian |
| 17 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input checked="" type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 37. Ibnu Khaldun |
| 18 | <input type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input checked="" type="radio"/> D | 38. Jihad |
| 19 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 39. Muka |
| 20 | <input checked="" type="radio"/> A | <input type="radio"/> B | <input type="radio"/> C | <input type="radio"/> D | 40. Bunuh |

Bahagian B
[60 markah]

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
1.(a).i	<i>Pengasas ajaran Qadiani :</i> Mirza Ghulam Ahmad.	[1 x 2m =2m]
ii	<i>Dua ciri kesesatan ajaran Qadiani ialah:</i> 1. Berikhtiqad bahawa Mirza Ghulam Ahmad sebagai Al-Mahdi, Nabi dan jelmaan Krisna (Tuhan dalam agama hindu) 2. Berikhtiqad bahawa Allah menurunkan kepada Mirza Ghulam Ahmad sebuah kitab suci yang bernama Al-Tazkirah 3. Berikhtiqad bahawa Mirza Ghulam Ahmad mempunyai sejuta jenis mukjizat 4. Menghapuskan jihad 5. Mengubah ayat Al-Quran seperti ayat 6 surah Al-Saf, ayat 52 surah al-Haji dan ayat 1 surah Al-Qadr 6. Mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah 7. Mengisytiharkan Qadian sebagai tanah suci dan tempat menunaikan haji. 8. Mendakwa bahawa Nabi Isa meninggal dunia dan dimakamkan di Serinagar, India. 9. Menghukum kafir selain penganut Qadiani	[2 x 2m = 4m]
iii	<i>Dua langkah yang sewajarnya diambil untuk menanganai ajaran sesat ialah:</i> 1. Melengkapkan diri dengan kefahaman Islam yang sebenar 2. Menyebarkan ajaran Islam 3. Kerjasama dalam penguatkuasaan undang-undang 4. Program pemulihan aqidah	[2 x 2m = 4m]
(b) i	<i>Maksud anak yatim ialah:</i> kanak-kanak yng kematian bapa sebelum umur baligh	[1 x 2m = 2m]

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
ii	Dua kewajipan terhadap anak yatim ialah: 1. Bertanggungjawab menjaga harta 2. Bertanggungjawab melindungi anak yatim 3. Bertanggungjawab menjaga dan mengurus anak yatim	[2 x 2m = 4m]
iii	Sebab-sebab dilarang memakan harta anak yatim ialah: 1. Anak yatim akan kehilangan punca pendapatan apabila dewasa 2. Mengelakkan anak yatim hidup terbiar dan melarat 3. Mengelakkan berlakunya pergaduhan dan terputus silaturahim 4. Mencabuli hak anak yatim sebagai pewaris harta pusaka	[2 x 2m = 4m]

2.(a) i	<p><i>Maksud sembelihan :</i> ialah menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan dengan cara memutuskan urat halkum dan urat merah dengan menggunakan alat yang tajam dengan niat kerana Allah Taala</p>	[1 x 2m = 2m]
ii	<p><i>Dua syarat sah sembelihan ialah:</i> 1.Peyembelih mestilah Islam 2.Penyembelih tidak berada dalam ihram haji atau umrah 3.Binatang yang disembelih mestilah halal dimakan 4.Binatang yang disembelih mati dengan sekali sembelihan 5.Binatang yang disembelih putus urat halkum dan urat merah 6.Alat sembelihan tersebut tajam kecuali gigi, tulang, kuku, rambut dan tali.</p>	[2 x 2m = 4m]
iii	<p>a) Hukum : Haram Alasan : kerana daging korban tidak boleh diberikan kepada orang kafir.</p> <p>b)Hukum : Tidak sah Alasan : kerana tulang bukan merupakan alat sembelihan</p>	<p>Hukum=1m Alasan=1m</p> <p>[2 x 2m = 4m]</p>
(b) i	<p><i>Dua tanggungjawab suami terhadap isteri ialah:</i> 1.Memberi nafkah zahir dan batin 2. Memberi didikan 3. Memberi layanan yang baik</p>	[2 x 2m = 4m]
ii	<p><i>Dua kesan pengabaian tanggungjawab suami terhadap keluarga ialah:</i> 1.Kerukunan rumah tangga tergugat 2.Persefahaman suami isteri akan hilang 3.Pertelingkahan boleh tercetus disebabkan perkara-perkara emeh temeh 4.Perceraian akan berlaku 5.Anak-anak akan menjadi mangsa keruntuhan rumah tangga</p>	[2 x 2m = 4m]

c	<i>Hubungan kerukunan rumahtangga dengan pembangunan ummah :</i> 1. keutuhan sesuatu ummah bergantung kepada keutuhan insititusi keluarga 2.Kanak-kanak yang terdidik dalam keluarga yang bahagia melahirkan generasi yang cemerlang	[1 x 2m = 2m]
---	--	------------------------

3 (a) i	<p><i>Dua keistimewaan kota baghdad :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kedudukan yang strategik yang menjadi laluan perdagangan 2. Terdapat pasar “ Suq Baghdad” yang menjadi tumpuan pedagang 3. Terdapat ladang pertanian dan ternakan serta pasar “ Suq Al-Baqr” 	[2 x 2m = 4m]
ii	<p><i>Dua kesan pembangunan ekonomi terhadap rakyat :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat menikmati taraf hidup yang tinggi 2. Prasarana untuk rakyat disediakan oleh kerajaan 3. Menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat 	[2 x 2m = 4m]
(b) i	<p><i>Dua amalan yang dilarang semasa menzirahi jenazah :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Merasa kesal terhadap kematian dengan meratap 2. Membebankan keluarga jenazah dengan permintaan yang mereka tidak mampu. 3. Membuat perkara yang menyinggung keluarga jenazah 4. Tidak redha dengan takdir 	[2 x 2m = 4m]
ii	<p><i>Dua hikmat menziarahi jenazah :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dapat mengiratkan silaturrahim dengan keluarga jenazah 2. Mengurangkan tekanan emosi keluarga simati 3. Memberikan keinsafan kepada uang hidup 4. Menunaikan hak sebagai seorang muslim kepada muslim yang lain. 	[2 x 2m = 4m]
(c) i	<p><i>Nama sebenar Hamka:</i> - Haji Abdul Malik Bin Sheikh Abdul Karim</p>	[1 x 2m = 2m]
ii	<p><i>Dua anugerah :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Anugerah Doktor Kehormat Al-Azhar 2. Anugerah Doktor Kehormat UKM 	[2 x 1m = 2m]

4 (a) i	<p><i>Sejarah penubuhan Kerajaan Bani Umayyah :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bermula dengan Majlis tahkim dimana Saidina Ali dilucutkan jawatan dan Muawiyah dilantik sebagai Khalifah 2. Kewafatan Saidina Ali menyebabkan penduduk Kufah melantik Saidina Hasan sebagai Khalifah 3. Saidina Hasan bersetuju menyerahkan pemerintahan dengan syarat muawiyah memerintah berdasarkan al-Quran dan hadis 	[2 x 2m = 4m]
ii	<p><i>Tindakan Khalifah Umar bin Abdul Aziz :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memecat pegawai yang kurang cekap. 2. Melaksanakan hokum dengan adil. 3. Memberhentikan pengusaan wilayah dan diganti dengan kerajaan Islam 4. Menghapuskan cukai Jizyah daripada golongan Mawali 	[2 x 1m = 2m]
iii	<p><i>Dua faktor kejatuhan kerajaan Bani Umayyah:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sikap pemerintah yang mengabaikan agama 2. Wujud semangat qabilah dan pilih kasih 3. Kemewahan menyebabkan kelalaian dalam melaksanakan tanggungjawab . 	[2 x 2m = 4m]
(b) i	<p><i>Kesan situasi tersebut kepada kehidupan manusia:-</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjejaskan sumber minuman 2. Menjejaskan sumber makanan 3. Merosakan persekitaran rekreasi 	[2 x 2m = 4m]
ii	<p><i>Langkah yang boleh diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut ialah:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan gotong-royong 2. Mengadakan kempen kesedaran pentingnya memelihara alam sekitar 3. Menyediakan tempat pembuangan sampah 4. Menggubal dan menguatkuasakan undang-undang yang lebih berat bagi menghukum orang yang melakukan kerosakan kepada alam 	[2 x 2 m = 4m]

c.	<i>Dua sifat peribadi Imam Malik rahimahullah yang boleh dicontohi pelajar masa kini ialah:-</i> 1. Berbudi bahasa 2. Bijaksana 3. Lemah-lembut 4. Suka menziarahi orang sakit 5. Mengiringi jenazah 6. Tidak suka mencela orang.	[2 x 1m = 2m]
----	---	------------------------

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**SULIT**

1223/2(PP)
Peraturan
Pemarkahan
Pendidikan
Islam
Kertas 2
Percubaan
2010



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **8** halaman bercetak

Soalan	Jawapan	Markah
1(a)(i)	<i>Maksud aurat :</i> Bahagian anggota badan yang wajib ditutup bagi lelaki dan perempuan.	[1 x 2m =2m]
(ii)	<i>Dua akibat tidak memelihara aurat dan maruah diri. :</i> 1. Kegiatan jenayah berleluasa seperti rogol dan zina. 2. Mendapat balasan azab daripada Allah 3. Tidak dihormati. 4. Dipandang hina oleh masyarakat	[2 x 1m =2m]
(iii)	<i>Pengajaran ayat :</i> 1. Wajib ke atas lelaki dan perempuan menghindari daripada melihat perkara-perkara yang diharamkan. 2. Kita wajib menjaga kemaluan daripada perkara yang diharamkan seperti zina, liwat dan onani. 3. Haram bagi seorang perempuan melakukan perkara yang boleh mendatangkan fitnah contohnya berhias secara berlebihan.	[2 x 2m =4m]
(b)(i)	<i>Kelebihan menyegerakan segala urusan kehidupan :</i> 1. Dimulihkan oleh Allah dan rasul 2. Segala urusan kita dapat disempurnakan mengikut jadual dan berkualiti 3. Dapat menyumbangkan ke arah kemajuan negara.	[2 x 2m =4m]
(ii)	<i>Dua contoh bekal untuk hari akhirat:</i> 1. Taqwa. 2. Mentaati perintah Allah 3. Perbuatan baik sesama manusia	[2 x 1m = 2m]
(iii)	<i>Maksud pernyataan “dunia ialah tempat persinggahan” :</i> 1. manusia hidup di dunia seperti seorang perantau yang hanya singgah sementara di satu destinasi sebelum ke destinasi seterusnya. 2. manusia diberi nikmat masa dan kesihatan oleh Allah untuk mereka melakukan amal kebajikan semasa hidup di dunia. 3. semua makhluk yang bernyawa pasti akan menemui ajal pada suatu hari nanti dan akan menuju alam akhirat yang kekal abadi.	[1 x 2m = 2m]
(c)	<i>Melengkapkan potongan ayat :</i> (i) D (ii) C (iii) A (iv) B	[4 x 1m = 4m]

Soalan	Jawapan	Markah								
2(a)(i)	<p><i>Dua nikmat Allah S.W.T yang dikurniakan kepada manusia.:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. iman 2. islam 3. kesihatan tubuh badan 4. kemakmuran 5. kesempurnaan fizikal 6. akal fikiran 7. kemerdekaan 8. keamanan 	[2 x 1m = 2m]								
(ii)	<p><i>Dua contoh umat yang dibinasakan oleh Allah S.W.T. beserta bentuk kebinasaan yang diterima :</i></p> <table border="1" data-bbox="386 768 1105 993"> <thead> <tr> <th data-bbox="386 768 594 806">Kaum</th> <th data-bbox="594 768 1105 806">Azab</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="386 806 594 844">'Ad (1m)</td> <td data-bbox="594 806 1105 844">Angin puting beliung (1m)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="386 844 594 882">Lut (1m)</td> <td data-bbox="594 844 1105 882">Diterbalikkan negeri mereka (1m)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="386 882 594 993">Thamud(1m)</td> <td data-bbox="594 882 1105 993">Dibinasakan dengan halilintar yang kuat dan gempa bumi yang dahsyat. (1m)</td> </tr> </tbody> </table>	Kaum	Azab	'Ad (1m)	Angin puting beliung (1m)	Lut (1m)	Diterbalikkan negeri mereka (1m)	Thamud(1m)	Dibinasakan dengan halilintar yang kuat dan gempa bumi yang dahsyat. (1m)	[2 x 2m = 4m]
Kaum	Azab									
'Ad (1m)	Angin puting beliung (1m)									
Lut (1m)	Diterbalikkan negeri mereka (1m)									
Thamud(1m)	Dibinasakan dengan halilintar yang kuat dan gempa bumi yang dahsyat. (1m)									
(iii)	<p><i>Cara bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menggunakan nikmat ke arah kebaikan 2. Memperbanyakkan ibadat/zikrullah 3. Mendampingi ulama' 4. Menjauhi maksiat 5. Berakhlak mulia/tidak sombong. 	[1 x 2m = 2m]								
(b)(i)	<p><i>Syarat Islam mengharuskan umatnya memakan makanan yang haram ketika darurat:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. tiada makanan yang halal/hanya ada makanan yang haram sahaja. 2. makan dan minum sekadar menyelamatkan nyawa. 3. makan dan minum bukan untuk kenyang. 	[2 x 1m = 2m]								

Soalan	Jawapan	Markah
(ii)	<p><i>Ciri-ciri etika berpakaian yang baik mengikut syarak :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menutup aurat 2. Tidak menampakkan susuk badan/tidak ketat 3. Tidak jarang/tidak nipis yang menampakkan aurat 4. Bukan untuk membangga diri 5. Berpakaian dengan niat melahirkan kesyukuran kepada Allah 6. Tidak menyerupai pakaian upacara agama bukan islam 	[2 x 2m = 4m]
(iii)	<p><i>Kaitan di antara makanan yang haram dengan ibadah:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. doa tidak dimakbulkan 2. ibadah akan ditolak oleh Allah SWT 3. makanan yang haram mengganggu kekhusyukan ibadat. 	[1 x 2m = 2m]
(c)	<p><i>Susun semula ayat al-Quran berikut mengikut tertib :</i></p> <p style="text-align: center;">2, 4,1,3 atau 2 atau (1) - 3 4 (2) - 1 1 (3) - 4 3 (4) - 2</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Betul yang pertama dikira satu markah. - Salah yang pertama tiada markah. - Tulis ayat diterima <p>[4 x 1m = 4m]</p>

Soalan	Jawapan	Markah
3(a)(i)	<p><i>Maksud potongan ayat :</i> “ mereka yang menjaga sembahyang-sembahyang mereka/mereka yang memelihara sembahyang-sembahyang”</p>	[1 x 2m = 2m]
(ii)	<p><i>Dua amanah Allah yang perlu anda tunaikan terhadap Allah S.W.T semasa di dunia.:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjaga kesucian akidah 2. Melakukan ibadat fardhu 3. Berakhlak mulia. 4. Menjaga hubungan silaturrahim 5. Menegakkan hukum Allah. 	[2 x 2m = 4m]
(iii)	<p><i>Apa yang perlu dilakukan untuk mewarisi syurga firdaus :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjaga kemaluan/maruah diri 2. Memelihara solat 3. Menjaga amanah dan janji 	[1 x 2m = 2m]
(b)(i)	<p><i>Maksud "berpaling muka" :</i></p> <p>Tidak bertegur sapa.</p>	[1 x 2m = 2m]
(ii)	<p><i>Cara untuk memupuk perpaduan di kalangan jiran setempat:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memupuk kasih sayang antara anggota masyarakat 2. Mengamalkan sikap tolong menolong dan bekerjasama antara anggota masyarakat 3. Memelihara hak orang lain. 4. Bertolak ansur dan prihatin terhadap masalah anggota masyarakat. 5. Mengamalkan budaya ziarah menziarahi 	[2 x 1m = 2m]

Soalan	Jawapan	Markah
(iii)	<i>Dua pengajaran hadis:</i> 1. Semua umat islam adalah bersaudara 2. Sifat dengki dan pulau memulau akan menghancurkan perpaduan ummah. 3. Orang yang bersifat dengki, suka menipu dan sombong akan dibenci masyarakat. 4. Perpaduan sangat penting kepada kestabilan bangsa dan negara.	[2 x 2m = 4 m]
(c)	<i>Melengkapkan potongan ayat :</i> (i) B (ii) C (iii) A (iv) D	[4 x 1m = 4m]

Soalan	Jawapan	Markah																
4(a) (i)	<p><i>Dua golongan yang mempersenda dan mempermainkan agama:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. murtad 2. munafik 3. musyrikin 4. 'Asi. 	[2 x 1m = 2m]																
(ii)	<p><i>Dua cara mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan mempersendakan agama:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berusaha bersungguh-sungguh memahami ajaran islam sebenar 2. Berusaha menguasai pelbagai bidang ilmu untuk membangunkan diri. 3. Sentiasa berwaspada ketika bercakap/bertindak 4. Melaksanakan segala perintah Allah. 	[2 x 2m = 4m]																
(iii)	<p><i>Dua balasan Allah terhadap golongan yang mempersendakan agama:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dimasukkan ke dalam neraka 2. Tidak akan mendapat syafaat 3. Berdosa besar 4. Dilaknat Allah S.W.T 	[2 x 2m = 4m]																
(b)	<p><i>Hukum tajwid ;</i></p> <table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 40%;">(i) Mad Wajib Muttasil</td> <td style="width: 10%;">-</td> <td style="width: 50%;">dipanjangkan bacaan empat, lima harakat</td> </tr> <tr> <td>(ii) Ikhfa' Hakiki</td> <td>-</td> <td>dengung</td> </tr> <tr> <td>(iv) Izhar Syafawi</td> <td>-</td> <td>terang dan nyata</td> </tr> </table>	(i) Mad Wajib Muttasil	-	dipanjangkan bacaan empat, lima harakat	(ii) Ikhfa' Hakiki	-	dengung	(iv) Izhar Syafawi	-	terang dan nyata	<p>Hukum = 1m Bacaan = 1m</p> <p>[3 x 2m = 6m]</p>							
(i) Mad Wajib Muttasil	-	dipanjangkan bacaan empat, lima harakat																
(ii) Ikhfa' Hakiki	-	dengung																
(iv) Izhar Syafawi	-	terang dan nyata																
(c)	<p><i>Menjawikan perkataan :</i></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 5%;">(i)</td> <td style="width: 35%;">Tanggungjawab bersama</td> <td style="width: 5%;">:</td> <td style="width: 55%;">تعكو عجبواب برسام</td> </tr> <tr> <td>(ii)</td> <td>Sarjana unggul</td> <td>:</td> <td>سرجان او عكول</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td>Penguasa negara</td> <td>:</td> <td>فعواسا نكارا</td> </tr> <tr> <td>(iv)</td> <td>Ketenteraman jiwa</td> <td>:</td> <td>كتنترامن جيووا</td> </tr> </table>	(i)	Tanggungjawab bersama	:	تعكو عجبواب برسام	(ii)	Sarjana unggul	:	سرجان او عكول	(iii)	Penguasa negara	:	فعواسا نكارا	(iv)	Ketenteraman jiwa	:	كتنترامن جيووا	<p>Salah 3 huruf = 0</p> <p>[4 x 1m = 4m]</p>
(i)	Tanggungjawab bersama	:	تعكو عجبواب برسام															
(ii)	Sarjana unggul	:	سرجان او عكول															
(iii)	Penguasa negara	:	فعواسا نكارا															
(iv)	Ketenteraman jiwa	:	كتنترامن جيووا															

Soalan	Jawapan	Markah												
5(a)(i)	<p><i>Dua sifat yang perlu ada pada pendakwah :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menunjukkan contoh tauladan yang baik 2. Menyampaikan dengan cara yang sesuai/ berhikmah 3. kreatif 	[2 x 2m = 4m]												
(ii)	<p><i>Tujuan Islam memberi perlindungan kepada orang bukan Islam :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. untuk menyampaikan/menerangkan ajaran Islam kepada orang bukan islam 2. memimpin ke jalan yang benar 3. membuktikan Islam agama yang mulia. 	[1 x 2m = 2m]												
(iii)	<p><i>Dua cara berdakwah yang boleh dilaksanakan dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalin hubungan dan kerjasama dengan semua peringkat dalam masyarakat 2. Menggunakan teknologi moden seperti internet dan televisyen sebagai medium dakwah 3. menganjurkan sesi perbincangan dan forum dengan bukan islam. 	[2 x 2m = 4m]												
(b)	<p><i>Hukum tajwid kalimah bergaris :</i></p> <table border="1" data-bbox="378 993 1133 1375"> <tbody> <tr> <td data-bbox="378 993 456 1087">(i)</td> <td data-bbox="456 993 797 1087">Ikhfak Hakiki</td> <td data-bbox="797 993 1133 1087">فَإِنْ كُنَّ</td> </tr> <tr> <td data-bbox="378 1087 456 1182">(ii)</td> <td data-bbox="456 1087 797 1182">Izhar Syafawi</td> <td data-bbox="797 1087 1133 1182">بُطُونِهِمْ نَارًا</td> </tr> <tr> <td data-bbox="378 1182 456 1276">(iii)</td> <td data-bbox="456 1182 797 1276">Wajibal Ghunnah</td> <td data-bbox="797 1182 1133 1276">كُنَّ</td> </tr> <tr> <td data-bbox="378 1276 456 1371">(iv)</td> <td data-bbox="456 1276 797 1371">Mad Jaiz Munfasil</td> <td data-bbox="797 1276 1133 1371">فِي أَوْلَادِكُمْ</td> </tr> </tbody> </table>	(i)	Ikhfak Hakiki	فَإِنْ كُنَّ	(ii)	Izhar Syafawi	بُطُونِهِمْ نَارًا	(iii)	Wajibal Ghunnah	كُنَّ	(iv)	Mad Jaiz Munfasil	فِي أَوْلَادِكُمْ	[4 x 1m = 4m]
(i)	Ikhfak Hakiki	فَإِنْ كُنَّ												
(ii)	Izhar Syafawi	بُطُونِهِمْ نَارًا												
(iii)	Wajibal Ghunnah	كُنَّ												
(iv)	Mad Jaiz Munfasil	فِي أَوْلَادِكُمْ												
(c)	<ol style="list-style-type: none"> (i) Umat islam hendaklah berusaha mendapatkan kemuliaan (ii) Kerajaan telah membuka banyak peluang pekerjaan (iii) Kita mestilah mempertingkatkan kemahiran ilmu pengetahuan 	<p>- Setiap potongan 2m - Salah 2 perkataan 0m</p> <p>[3 x 2m = 6m]</p>												

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT